

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 8 Mac 2017**

**SOALAN**

Tuan Mohd Rafizi Bin Ramli [ Pandan ] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan peruntukan tahunan dan perincian jumlah penerima bantuan bulanan JKM mengikut kategori (jumlah bantuan sebulan, jenis bantuan dan lain-lain) dari 2008 hingga 2016.

## **JAWAPAN**

Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), sentiasa memberikan perhatian khusus terhadap usaha meningkatkan taraf hidup golongan berpendapatan rendah dan memastikan tiada rakyat yang layak, tercicir daripada menerima bantuan kebajikan. Dalam hal ini, KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan pelbagai skim bantuan kewangan kepada golongan yang memerlukan bagi membolehkan mereka meneruskan kelangsungan hidup. Kerajaan menyediakan peruntukan kewangan yang besar setiap tahun bagi tujuan penyaluran bantuan kebajikan dan perbelanjaan tersebut semakin meningkat dari setahun ke setahun. Bagi tahun 2008 sehingga 2016, Kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak RM11.2 bilion yang telah disalurkan kepada penerima-penerima bantuan diseluruh negara. Jumlah peruntukan dan penerima bantuan mengikut pecahan tahun adalah seperti berikut:

1. 2008 - RM371.2 juta (221,602 kes)	2. 2009 - RM 758.8 juta (353,889 kes)
3. 2010 - RM1.195 bilion (424,526 kes)	4. 2011 - RM1.352 bilion (473,928 kes)
5. 2012 - RM1.472 bilion (514,066 kes)	6. 2013 - RM1.542 bilion (492,676 kes)
7. 2014 - RM1.461 bilion (492,607 kes)	8. 2015 - RM1.529 bilion (487,185 kes)
9. 2016 - RM1.529 bilion (462,322 kes)	

Jumlah penerima bantuan dan peruntukan bagi tahun 2016 mengikut kategori bantuan adalah seperti berikut:

1. Bantuan Orang Tua - 133,352 kes (RM497,560,634)	2. Bantuan Kanak-Kanak - 75,439 kes (RM246,032,238)
3. Bantuan Am - 101,823 kes (RM246,786,833)	4. Elaun Pekerja Cacat - 73,056 kes (RM313,374,950)
5. Bantuan Penjagaan Pesakit Terlantar - 24,193 kes (RM91,756,314)	6. Alat Tiruan - 1,323 kes (RM2,425,841)
7. Geran Pelancaran - 1,578 kes (RM5,345,737)	8. Bantuan Anak Pelihara - 510 kes (RM1,619,947)
9. Latihan Apperantis - 136 kes (RM612,302)	10. Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja - 50,912 kes (RM123,710,710)

